

**PEMBANGUNAN KOMUNITI DESA MAMPAN**

**KAJIAN KES: KAMPUNG PUNAN BAH BELAGA SARAWAK**

**ANNAI MINSAI**

**Tesis ini dikemukakan sebagai  
memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar Dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**NOVEMBER, 2006**

## ABSTRAK

Konsep komuniti mampan dan pembangunan mampan merupakan idea yang saling berkaitan. Komuniti mampan merupakan komuniti yang mengamalkan prinsip pembangunan mampan iaitu komuniti yang menerima pakai cara hidup dan jalan pembangunan yang menghormati dan bertindak dalam lingkungan batasan alam semulajadi. Konsep pembangunan ini, membolehkan pelaksanaan pembangunan dilakukan untuk faedah ekonomi, ekologi dan sosial yang seimbang serta berteraskan untuk jangka panjang. Kajian ini membincangkan sejauhmana prinsip pembangunan mampan diamalkan oleh komuniti suku kaum Punan di kampung Punan Bah Sarawak. Bagi mengukur komuniti desa mampan kajian ini telah membangunkan indikator-indikator kemampanan berasaskan kajian literatur dan perbincangan dengan penduduk serta kumpulan pakar. Tahap kemampanan komuniti dianalisis berasaskan indikator tersebut dan kaedah indeks digunakan bagi mengukur tahap kemampanan komuniti secara keseluruhannya. Hasil analisis kajian turut mendapati bahawa walaupun penduduk kawasan kajian hidup dalam serba sederhana, namun dalam tidak disedari mereka turut mengamalkan prinsip dan sikap yang mampan dalam keempat-empat dimensi berkenaan. Antara amalan mampan komuniti ialah penggunaan baja organik dan mengekalkan amalan bergotong-royong dalam aktiviti pertanian padi bukit, kemahiran tradisi yang tinggi dan kepatuhan kepada adat resam. Manakala amalan tidak mampan seperti tidak mementingkan tabungan wang untuk masa depan, merokok, tiada kemahiran dalam urusan jual beli, tiada modal dan tiada peluang pekerjaan di kampung. Seterusnya kajian ini mengenal pasti potensi dan masalah komuniti dalam aspek ekonomi, sosial, ekologi atau fizikal dan institusi. Kajian ini juga telah memberi cadangan dalam tiga bentuk strategi iaitu pengekalan, perubahan dan pembaharuan ke arah pembangunan desa mampan masyarakat pribumi yang lebih baik dan mampan.

## ABSTRACT

Sustainable community concept and sustainable development concept are interconnected among each other. Sustainable community concept refers to community that practicing the sustainable development principles. This community will allowed the respect way of developments and perform actions within nature limitations. Sustainable development concepts enable the implementation of development to balance its economics, ecology and social purpose for current and future needs. This thesis will discuss about the efforts of practicing of sustainable development principles among the Punan communities at Punan Bah, Belaga. These dissertations have developed some sustainable indicators based on literature studies, discussion with local communities and masterly group. Sustainable community level will be identify or analyze based on that indicators and index methods were used to evaluate the level of overall sustainable community. The analysis results shows that although the people in that study area living in modest life conditions, but in non-conscious, they also have practices the principles and good attitudes based on that four dimensions. There are facts that they have practicing sustainable community concepts such as using organics fertilizers, continuing “gotong-royong” habits in traditional hill paddy cultivations, having quality traditional agriculture skills and loyalty to their customs. However, there are still feebleness such as lack of awareness saving money for the future, smoking, and lack of business skills, capitals, and employments. With, this research it identified the potential and obstacles in economic, social, ecology, and institution among the communities. Finally, this research put up suggestions in three domains that are everlasting, modifications and innovation towards sustainable development of the ethnics living in the countryside.